

# Ibn Khaldun dan Falsafah Sejarah Islam

**BITARA**

Volume 6, Issue 3, 2023: 274-286  
 © The Author(s) 2023  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 23 July 2023  
 Accepted: 19 August 2023  
 Published: 30 September 2023

## [Ibn Khaldun and The Muslim Philosophy of History]

Nabeela Akrasha Surtahman<sup>1</sup> & Azmul Fahimi Kamaruzaman<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 43600 UKM Bnagi, Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: azmul@ukm.edu.my

### Abstrak

Penulisan sejarah Islam sering disinonimkan dengan penceritaan dan naratif sesebuah peristiwa. Kemunculan Ibn Khaldun pada abad ke-14 telah mengalihkan pandangan sejarah daripada pengnaratifan kepada penelitian saintifik yang memerlukan analisis mendalam terhadap masyarakat dan negara yang boleh ditafsirkan sebagai disiplin falsafah sejarah Islam. Artikel ini bertujuan membincang biografi Ibn Khaldun dan memerihalkan gagasan falsafah sejarahnya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai metode pengumpulan data dan analisis data daripada bahan dan sumber ilmiah yang relevan. Dapatkan menunjukkan Ibn Khaldun menggagaskan *úmrان* yang berupaya mengungkapkan fenomena kemanusiaan, sosial dan tamadun manusia. Melalui konsep '*umran*', Ibn Khaldun menganalisis prinsip sejarah daripada pola perubahan masyarakat dari masyarakat *badawi*, *hadhari* dan *daulah*, seterusnya mempersembahkan ideanya kitaran *úmrان* yang melalui lima tahap iaitu kelahiran, kekuuhan, kesenangan, kestatikan dan kemerosotan. Penelitian Ibn Khaldun di dalam '*umran* membawa perubahan penganalisisan faktor-faktor perkembangan dan kejatuhan tamadun.

**Kata kunci:** Falsafah sejarah Islam, Ibn Khaldun, *úmrان*

### Abstract

The writing of Islamic history is often synonymous with the narration of an event. The emergence of Ibn Khaldun in the 14th century has shifted the view of historiy from narration to scientific research that requires an in-depth analysis of society which can be interpreted as the Islamic philosophy of history. This article aims to discuss the biography of Ibn Khaldun and to describe his philosophical ideas of history. This study uses qualitative methods as a method of data collection and data analysis from relevant scientific materials and sources. Findings show that Ibn Khaldun proposes the idea of '*umran*' which can express humanitarian, social and human civilization phenomena. Through the concept of '*umran*', Ibn Khaldun analyzed the pattern of societal change from the Bedouin, Hadhari and Daulah societies, and then presented his idea of the '*umran* cycle which goes through five stages, namely birth, solidity, luxury, static and decline. Ibn Khaldun's research in '*umran*' resulted in the analysis of the factors of the development and fall of civilization.

**Keywords:** Muslim philosophy of history, Ibn Khaldun, '*umran*

#### Cite This Article:

Nabeela Akrasha Surtahman & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2023). Ibn Khaldun dan Falsafah Sejarah Islam [Ibn Khaldun and the Muslim Philosophy of History]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 274-286.

## Pengenalan

Ibn Khaldun hidup pada zaman abad ke 14M/8H, iaitu zaman kemunduran Islam dan bangkitnya zaman *renaissance* barat. Pada zamannya, kekuasaan khalifah *Abbasiyah* ditundukkan oleh pasukan Tartar-Mongol. Manakala di bahagian Eropah kekuasaan Kristian bersiap sedia untuk menggempur penguasaan kaum Muslimin yang masih berbaki di Granada Andalusia, setelah lama sebelum itu daerah-daerah lain telah jatuh ke tangan Kristian seperti Toledo, Cordova dan Serville.

Di samping wujudnya permasalahan yang berpunca daripada musuh luaran, terdapat juga permasalahan dalaman hasil daripada pemberontakan dan perebutan kuasa dalam kalangan kaum elit dan perpecahan dalam kalangan daerah-daerah Islam yang masing-masing mahu memerintah sendiri (Zainab Khudhairi 1979). Pada umumnya Afrika Utara yang merupakan tempat Ibn Khaldun menetap selama 50 tahun merupakan bahagian dunia Islam yang paling buruk ketamadunannya, dipenuhi dengan kacau bilau dan kemusnahan (Muhsin Mahdi 2014). Ditengah-tengah kegawatan yang sebegini, pihak penguasa hidup penuh dengan kemewahan (Zainab Khudhairi 1979).

Ibn Khaldun hidup ketika mana pergolakan atau revolusi yang sangat hebat berlaku. Beliau tidak hanya menjadi penonton keadaan, sebaliknya turut terjun ke dalam pergolakan dengan melibatkan diri di dalam politik sehingga dapat memahami serta menghayati dan berhasil membuat kesimpulan yang berharga dan bermanfaat untuk bangsa sezaman atau zaman selepasnya. Keadaan yang berlaku di negara Islam dan khususnya di Afrika Utara inilah yang memotivasi Ibn Khaldun untuk memikirkan sesuatu mengenai sejarah dan masyarakat Islam (Muhsin Mahdi 2014) sehingga beliau menggagaskan falsafah sejarah.

## Biografi

Nama penuh Ibn Khaldun ialah Abd al-rahman bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammed bin al-Hasan bin Jabir bin Muhammad bin Ibrahim bin Abd al-Rahman ibn Khaldun. Nama lengkap ini dinyatakan sendiri oleh Ibn Khaldun dalam bukunya *al-Ta’rif bi ibn Khaldun* (Ibn Khaldun 1951). Beliau digelar oleh para ulama’ sebagai Abu Zayd, Qadi al-Qudah, Waliyy al-Din, al-Wazir, al-Ra’is, al-Hajib, al-Sadr al-Kabir, al-Faqih al-Jalil, ‘Allamat al-Ummah dan Imam al-Immah, dan dapat dibuktikan dalam karya-karya ulama’ tersebut (Yusri 2015). Ibn Khaldun dilahirkan di Tunisia pada awal Ramadhan tahun 732H bersamaan Mei 1332M (Enan 2012) dan wafat pada tahun 808H (1406M), ketika beliau berumur 73 tahun. Ibn Khaldun dimakamkan di perkuburan ahli sufi di Bab al-Nashr, Kaherah (Fathiyyah 1987).

Daripada perjalanan hidup Ibn Khaldun, Zainab al-Khudhairi (1979) menyimpulkan empat fasa penting dalam kehidupan beliau: fasa studi sehingga berumur 20 tahun (732-752H); fasa menceburi politik (752-776H); fasa pemikiran (776-780H) dan; fasa pengajaran dan peradilan (780-806H).

## Pendidikan

Sebagaimana anak-anak yang lain, pendidikan awal Ibn Khaldun mula-mula diperoleh melalui ayahnya sendiri (Zainab al-Khudhairi 1979). Pertama-tama tentunya mempelajari dan menghafaz al-Qur'an (Mukti Ali 1976). Selama 18 tahun (1332-1350 M), Ibn Khaldun mendapat pendidikan di daerah kelahirannya di Tunisia sebelum berhijrah ke Moroko pada tahun 1354H. Beliau memperdalamkan ilmu pengetahuannya dalam pelbagai bidang seperti bahasa Arab: nahu, *sorof*, balaghah, *kitabah* dan sastera; ilmu shari'ah yang terdiri daripada ilmu fiqh (Maliki), tafsir, hadis, usul fiqh dan ilmu al-Qur'an; ilmu 'aqliyyah yang terdiri daripada falsafah, matematik, mantiq, fizik, falak, muzik dan sejarah.

Antara guru Ibn Khaldun yang banyak mempengaruhi pemikiran beliau ialah Abily yang lahir pada 1282M. Pembelajaran Ibn Khaldun daripada Abily bermula dengan ilmu matematik dan logik yang kemudian berkembang kepada pelbagai ilmu falsafah yang bersumber daripada falsafah Ibnu Sina, al-Razi dan Ibn Rusyd. Abily juga dipercayai merupakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan ajaran ahli falsafah terkenal Nasr al-Din al-Tusi kepada Ibn Khaldun (Muhsin Mahdi 2014).

## Kerjaya

Ibn Khaldun mengenjak umur 20 tahun, mula memasuki kerjaya dalam bidang politik dan memegang jawatan penting dalam kerajaan di Tunisia dan Andalusia. Penglibatan pertama Ibn Khaldun dalam politik secara aktif digerakkan oleh penguasa Afrika Utara (Tunisia), Abu Inan daripada Dinasti Hafsid yang menggunakan khidmat beliau untuk mengukuhkan kerajaannya (Muhsin Mahdi 2014). Ibn Khaldun juga pernah menduduki jawatan penting kerajaan sebagai Ketua canseri (*Katib al-Sirr*) dan kemudiannya ditugaskan untuk menguruskan mahkamah tinggi. Pada 1362M (764H) Ibn Khaldun merantau ke Granada dan menjadi duta pada tahun berikutnya kepada Pedro 1, Raja Castile Kristian dalam misi perdamaian antara umat Islam (Granada) dan Kristian (Sepanyol). Ibn Khaldun dapat menjalankan tuganya dengan baik dan beliau menjadi tokoh politik peringkat pertama (Zainab al-Khudhairi 1979).

Beliau berlegar di bahagian barat dunia Islam, antara Sepanyol dan Afrika Utara, berkecimpung dalam politik dan beraktiviti di bahagian barat dunia Islam selama 20 tahun. Dalam usia yang melangkah ke 50 tahun, Ibn Khaldun mula mengorakkan langkahnya ke bahagian timur sebagai pendidik dan tiba di Kaherah, Mesir pada 1382M (784H). Ibn Khaldun diangkat menjadi guru besar di Perguruan al-Qamhiah sebuah institusi Maliki. Beliau juga diangkat sebagai Hakim Besar Maliki yang dijawatnya silih berganti sebanyak tiga kali (Zainab al-Khudhairi 1979). Sifat cendekiawan Ibn Khaldun dapat dibuktikan dengan pengajarannya sebagai pensyarah di institusi pendidikan terkenal di Mesir iaitu *al-'Azhar*, profesor undang-undang Maliki di Sekolah Zahiriyyah Barquqiyah dan pengajar ilmu hadis di Sekolah Salghatmash. Manakala dalam bidang penulisannya, beliau menyambung, menambah dan merivisi karya-karyanya sehingga tahun 807H, sehingga beberapa bulan sebelum beliau wafat. (Ulis Dwi Wardani 2009).

Sesungguhnya Ibn Khaldun telah melalui tingkatan hidupannya daripada peningkatan intelektual sejak kecil, dan memasuki alam dewasa ketika umurnya 20 tahun dengan

penglibatan dalam bidang politik di samping menceburkan diri dalam bidang penulisan. Pengembaraan, pengalaman, kerjaya beliau dan suasana sekelilingnya telah menjadi guru beliau untuk memahami sejarah kehidupan negara dan bangsa, sehingga terhasillah penulisan *magnum opusnya Muqaddimah* Ibn Khaldun yang terkandung di dalamnya pemerhatian dan penyelidikan Ibn Khaldun sepanjang khidmat dan kehidupannya.

## **Muqaddimah dan Falsafah Sejarah**

Nama Ibn Khaldun terkenal di pelusuk dunia baik dalam kalangan cendekiawan Islam mahupun bukan Islam. Walaupun zamannya sudah 600 tahun berlalu, namun hasil karyanya sentiasa dikaji dan ditatapi tidak putus-putus sehingga ke zaman kini. *Muqaddimah* yang merupakan karya agung Ibn Khaldun sarat dengan ilmu baru yang dunia barat belum pernah menemui sebelumnya. Dalam *Muqaddimah*, Ibn Khaldun merinci sesuatu peristiwa itu berdasarkan kepada tinjauan yang bukan sahaja semata-mata melalui pembacaan dan cerita yang didengar tetapi juga melalui pemerhatian dan pengalaman. Seterusnya mencari penyebab sesuatu peristiwa itu dan kemudiannya merumuskan hukum-hukum umum mengenai perkembangan berbagai bangsa dan negara dalam berbagai masa dan generasi (Zainab al-Khudhairi 1979). Tatacara penulisan seperti ini secara mudah sebenarnya telah menepati istilah falsafah sejarah. Maka gagasan beliau mengenai falsafah sejarah ini tentunya merupakan sesuatu kelainan. Arnold Toynbee (1934) menyanjung Ibn Khaldun ini dengan mengatakan bahawa kreativitinya dalam falsafah sejarah merupakan hasil terbesar dalam ilmu itu yang pernah dicipta oleh manusia merentasi zaman. Hujah Toynbee diperkuat oleh Robert Flint (1894) dengan mengatakan bahawa tidak ada tokoh yang mendekati kecemerlangan beliau baik dunia Kristian klasik mahupun pertengahan sehingga kemunculan Vico (Vico merupakan sejarawan Itali mendapat banyak pengiktirafan sebagai pengasas falsafah sejarah. Beliau menghasilkan falsafah sejarah melalui konsep kemajuan yang berbentuk kitaran, seterusnya membahagikan perkembangan sejarah kepada tiga peringkat yang utama; iaitu zaman ketuhanan, zaman keperwiraan, dan zaman kemanusiaan) lebih 300 tahun kemudiannya.

*Muqaddimah* dilihat sebagai nafas baru dalam mendefinisikan konsep sejarah. Konsep sejarah bagi Ibn Khaldun tidak hanya meliputi konsep zahir semata-mata bahkan merangkumi konsep batin yang mengutamakan aspek penghasilan prinsip, metode dan gagasan (Azmul Fahimi & Nabeela Akrasha 2021). Melalui kenyataan ini, Ibn Khaldun membahagikan sejarah kepada dua, sejarah secara zahir, dan sejarah secara batin. Apabila sejarah difahami dan ditulis secara batin, maka sejarah dianggap sebagai salah satu bidang dalam falsafah.

Penelitian Ibn Khaldun dalam mendefinisikan sejarah membawa satu pandangan baru kepada ilmu tersebut. Beliau menggagaskan ‘*umran*’ iaitu kitaran tamadun sesuatu masyarakat/bangsa yang digariskan epistemologinya bagi memahami sejarah dalam bentuk analisis, huraihan mendalam dan tafsiran dan bukan dalam bentuk naratif. Meskipun istilah falsafah sejarah tidak secara eksplisit digunakan oleh Ibn Khaldun, namun konsepnya tentang ‘*umran*’ berjaya mentransformasikan dan mengembangkan disiplin sejarah Islam daripada pengnaratifan sejarah kepada bentuk falsafah sejarah.

## Konsep ‘Umran

Di dalam *Muqaddimah*, Ibn Khaldun menggagaskan satu ilmu yang tidak pernah dihuraikan epistemologinya oleh para sejarawan sebelumnya iaitu ‘umran (tamadun). Beliau telah mengulangi perkataan ‘umran sebanyak lebih 225 kali di dalam kitab tersebut (Mahayudin 2015). Konsep ‘umran ini memberi konotasi tamadun yang dikonsepsikan sebagai organisasi sosial. ‘Umran disifatkan Ibn Khaldun sebagai ilmu tersendiri ini adalah suatu asas yang berupaya mengungkapkan fenomena kemanusiaan, sosial dan tamadun manusia. Ketika menggarap erti dan makna tamadun, Ibn Khaldun di dalam karyanya *Muqaddimah*, dilihat cuba membebaskan dirinya dari ikatan atau kepompong pemikiran terdahulu dan juga pemikiran zamannya.

Melalui konsep ‘umran, Ibn Khaldun menganalisis prinsip sejarah daripada kehidupan masyarakat Arab iaitu pola perubahan masyarakat, yang menerangkan bahawa sifat masyarakat itu tidak statik, tetapi bergerak dan berkembang daripada kelompok yang kecil kepada kelompok yang lebih besar. Bahkan, berubah dari kehidupan yang serba mudah kepada yang bersifat kompleks (Jaffary Awang 2021; S. Faghirdazeh 1982). Konsep ini diaplikasikan dalam perubahan masyarakat yang dibahagikan kepada dua kelompok besar masyarakat Arab iaitu masyarakat *badawi* dan masyarakat *hadhari*.

## ***Badawi***

*Badawi* membawa erti permulaan kehidupan (Zainab al-Khudhairi 1979). Masyarakat *badawi* menurut Ibn Khaldun terbatas di padang pasir, kawasan pendalaman, desa, pinggir kota, di celah-celah bukit dan gunung-ganang. Norma aktiviti mereka banyak melibatkan tanah dan daripadanya wujud aktiviti pertanian seperti menanam sayur-sayuran dan buah-buahan dan juga aktiviti penggembalaan binatang yang kebanyakannya terdiri daripada kambing, lembu, lebah dan keldai iaitu sumber kehidupan mereka. (Ibn Khaldun 1993).

Aktiviti-aktiviti kehidupan mereka yang sedemikian ini hanya mendasar dan cukup sederhana sekadar memenuhi keperluan makanan, tempat berteduh dan keperluan haiwan ternakan yang asas. Rumah-rumah mereka diperbuat daripada bulu binatang, kayu dan batu tanpa hiasan juga di gua-gua (Ibn Khaldun 1993). Cara berfikir dan bertindak masyarakat *badawi* ini disifatkan sebagai “*immediate needs*” atau “keperluan bersifat segera” (Jaffary Awang 2001). Ini dijelaskan sendiri oleh Ibn Khaldun apabila beliau mengungkapkan:

“Orang-orang yang tinggal di padang pasir, yakni yang terlibat mengusahakan pertanian dan menternak binatang adalah bersikap tidak mengendahkan kemajuan hidup. Mereka membatasi diri untuk hidup sekadar mengisi keperluan secukup makan, berpakaian dan tempat kediaman, dan terhadap keadaan-keadaan yang perlu dan adat kebiasaan” (Ibn Khaldun 1993). Seperti yang telah diperkatakan Ibn Khaldun mengenai kegiatan masyarakat *badawi* iaitu sebagai petani dan penternak, ia memerlukan kerjasama, saling bantu-membantu dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Maka, perasaan saling berkaitan dan ‘kekitaan’ akan timbul dan membentuk satu ikatan atau kesatuan yang dinamakan Ibn Khaldun sebagai ‘*asabiyyah*. Secara asasnya, kesatuan sosial atau ‘*asabiyyah* ialah keinginan semula jadi untuk membantu serta mempertahankan hubungan langsung seseorang (Muhsin Mahdi 2014). Pada peringkat awal,

‘asabiyyah dalam kalangan masyarakat Arab terbentuk dari ikatan kekeluargaan atau keturunan yang sama, yang juga disebut sebagai *kabilah*. Namun, pada tahap ini, ‘asabiyyah menurut Ibn Khaldun mengambil bentuk sosial yang lebih konkrit dan melebar di atas dasar keperluan kerjasama dan pertahanan diri yang semakin jelas dominan dalam kalangan masyarakat *badawi*. Dalam erti kata lain, *ásabiyyah* terbentuk atas dasar hubungan kekeluargaan dan keturunan, yang memerlukan hubungan sosial sesama manusia. Namun, diperkembangkan lagi skop hubungannya melangkaui kekeluargaan dan keturunan atas dasar faktor luaran; iaitu keperluan untuk bekerjasama dan mempertahankan diri.

## ***Hadhari***

Kehidupan masyarakat *badawi* merupakan asas kepada kehidupan masyarakat *hadhari*. Masyarakat *hadhari* lahir di desa apabila kehidupan di desa bertambah rencam dengan bilangan populasi dan kegiatan kehidupan dan ekonomi semakin berkembang. Ibn Khaldun menyebut “Sesungguhnya orang *badawi* adalah punca kelahiran bandar dan kota” (Ibn Khaldun, 1993). Apabila masyarakat *badawi* telah mencapai keperluan asas, mereka akan berusaha pula untuk mendapatkan kemewahan dan kesenangan dengan mengusahakan hasil pertanian melebihi daripada keperluan diri guna untuk didagangkan kepada masyarakat kota. Perubahan kehidupan *badawi* ini yang dinamakan sebagai urbanisasi yang juga merupakan ‘*umran* (tamadun). Kehidupan mereka berkembang sehingga akhirnya berjaya memiliki kehidupan sebagai masyarakat *hadhari* atau masyarakat bandar. Namun keadaan mereka tetap membatasi keperluan dan bukan bermewah-mewah, dapat membatasi syahwat, menjauhi kejahatan dan sifat buruk (Ibn Khaldun 1993).

Berbeza dengan desa, aktiviti pertanian tiada di kota, lantas penduduk tetapnya menjadikan perusahaan dan perdagangan sebagai lambang kehidupan yang maju dan mewah. Aktiviti ekonomi yang kukuh dan stabil seperti ini tidak memungkinkan mereka berpindah randah, sebaliknya akan terus menetap di kota, maka kerana itu mereka dikenali sebagai masyarakat *hadhari*.

## ***Daulah***


*Daulah* lahir daripada ‘asabiyyah, yang bererti bahawa ‘asabiyyah itu merupakan asas kepada terdirinya *daulah* (*Daulah* atau negara boleh juga diertikan sebagai kerajaan atau pemerintahan) (Zainab al-Khudhairi 1979). *Daulah* akan bertambah ampuh jika dalam masyarakat wujudnya perasaan ‘kekitaan’ dalam erti kata melewati batas keturunan dan kekeluargaan. Ibn Khaldun (1993) menyatakan bahawa (perasaan) keserumpunan berkemampuan untuk memberikan perlindungan bersama. Telah menjadi sifat semula jadi setiap manusia menghendaki seseorang pemimpin yang dapat berfungsi sebagai pengantara bagi mengawal dan seterusnya mencegah sebarang unsur yang boleh menggugat ketenteraman dalam masyarakat yang di pimpin.

*Daulah* bukan sahaja memerlukan kota tetapi yang lebih penting ialah menguasainya. Ibn Khaldun memberikan dua sebab perlunya kota dikuasai: Pertama kerana kedaulatan, iaitu mempertahankan ketenangan dan ketenteraman serta melengkapkan kehidupan ‘*umran* yang terdapat di dalamnya. Kedua, kota lambang pemerintahan dan kota juga menjadi sasaran

serangan musuh. Bangunan dan dindingnya menjadi tempat perlindungan yang sesuai untuk para perajurit. Jadi kota boleh menyelamatkan kekuasaannya pemerintah (Ibn Khaldun 1993). Selanjutnya Ibn Khaldun mengungkapkan bahawa negara memerlukan kota bagi tujuan menyempurnakan ‘umran (tamadun) kerajaannya. Ibn Khaldun (1993) selanjutnya merasakan keperluan *daulah* itu diperintah oleh satu dinasti walaupun ianya bersilih ganti raja-rajanya kerana dengan cara itu dapat meneruskan tamadun untuk menjadi bertambah kukuh dan berakar dalam kalangan penduduk kota.

Ibn Khaldun juga menggambarkan tentang *daulah* yang lebih besar yang dirasakan lebih ‘menguntungkan’ yang merangkumkan pelbagai tamadun, bangsa, penduduk yang ramai, kota yang banyak dan mempunyai sumber kekayaan yang besar. *Daulah* yang lebih besar menggabungkan antara *daulah* (negara) dikenali sebagai ‘alam. Kemakmuran di peringkat alami diistilahkan sebagai ‘umran al-‘alam (kemakmuran sejagat). Maka, masyarakat *hadhari* berkembang kepada masyarakat ‘alami yang bersifat global. Masyarakat ‘alami ini bersifat ‘umran yang mempunyai nilai kemakmuran, kemanusiaan, dan keharmonian dalam segala aspek kehidupan, seperti fizikal, mental dan spiritual. Penulis menamakan tahap ini sebagai ‘puncak ‘umran’. Oleh hal yang demikian hanya ‘umran al-‘alam yang dijiwai oleh Islam mampu mengangkat manusia kepada kemakmuran sejagat dengan misi *Rahmatan lil alamin*. Dengan menyelusuri sejarah pemerintahan, maka penulis merasakan bahawa pemerintahan khalifah Umar Abdul Aziz daripada dinasti Umayyah mempunyai ciri-ciri yang dimaksudkan.

Daripada perbincangan yang telah dilakukan, ternyata ‘umran bergerak daripada masyarakat *badawi* kepada *hadhari* dan berakhir pada *daulah* sebagaimana yang dipaparkan dalam rajah berikut:




Rajah 1.1 Pergerakan ‘umran

## Kitaran ‘Umran

Sesebuah *daulah* menurut Ibn Khaldun akan melalui beberapa tahap tamadun. Seperti manusia, tamadun akan lahir, berkembang, dan akan mati, seterusnya akan digantikan dengan tamadun baru, dan tamadun baru itu akan mengalami proses yang sama. Di dalam *Muqaddimah* (1993), Ibn Khaldun mengklasifikasikannya kepada lima tahap tamadun; iaitu (1) tahap kelahiran yang mana kekuasaan *daulah* dipegang oleh pemerintah, kaumnya dan kelompoknya; (2) tahap pengukuhan iaitu kekuasaan yang pada mulanya dipegang secara bersama lama kelamaan dipegang oleh seorang sahaja pemimpin untuk mengetuai pemerintahan *daulah*; (3) tahap kesenangan iaitu *daulah* memasuki peringkat kemewahan dan kesenangan. Pembinaan bangunan-bangunan besar, kota yang maju dan luas, monumen-monumen yang tinggi menjulang serta perhubungan yang baik dengan *daulah* asing menjadi mercu tanda kejayaan dan kemewahan. Kehidupan mewah ini telah menjadikan *daulah* berada dalam tahap yang

keempat (4) iaitu keadaan yang bersifat statik yang menyaksikan kecenderungan untuk mengekalkan apa yang telah dicapai terhadap *daulah* tanpa sebarang perubahan dan perkembangan. Apabila keadaan *daulah* yang statik ini berlarutan, akan berlakunya tahap kelima (5) iaitu *daulah* mencapai kemerosotan dan kemunduran dan akhirnya mengalami kehancuran. Setelah berlakunya kemerosotan dan kehancuran *daulah*, kitaran pembentukan *daulah* akan berulang kembali dengan kemunculan pihak lain yang didorong oleh ‘asabiyyah-nya yang kuat, bekerjasama dan menakluki kumpulan yang lain sehingga tertubuhnya sebuah tamadun.



Rajah 1.2: Kitaran ‘umran

Menurut Ibn Khaldun, hayat sesuatu kerajaan jarang melewati tiga keturunan (Ibn Khaldun 1993). Dengan purata satu keturunan adalah 40 tahun (Purata umur ini merupakan andaian Ibn Khaldun (Ibn Khaldun 1993: 165), maka bermakna hayatnya 120 tahun. Walaupun masyarakat mencapai tahap ‘*umran*, dengan kehidupan yang mencapai kemuncak keselesaan, namun sejarah juga menceritakan tahap ini tidak akan berterusan kekal, sebaliknya akan diselubungi oleh pelbagai bibit-bibit masalah negatif yang akan timbul. Gangguan-gangguan ini akan menurunkan dan seterusnya meruntuhkan tahap kemakmuran dan tamadun yang ada. *Daulah* akan mengalami keruntuhan untuk diganti dengan negara baru. *Daulah* baru akan mengambil sebahagian tradisi peninggalan negara lama dalam mengembangkan tamadunnya. Begitulah seterusnya setiap kali muncul dan runtuh, negara baru akan mengekalkan sebahagian tradisi peninggalan negara lama sehingga akhirnya tampak perbezaan total tradisi *daulah* pertama dengan tradisi *daulah* terakhir (Zainab al-Khudhairi 1979).

## Faktor Perkembangan

Tamadun berkembang dengan wujudnya beberapa faktor. Melalui penelitian kitab *Muqaddimah*, penulis telah memecahkan faktor-faktor ini kepada tiga: Ekonomi dan sumber-

sumbernya; geografi dan iklim dan akhirnya faktor manusia, iaitu ilmu, agama dan organisasinya.

#### a. Ekonomi dan hasil bumi

Ekonomi merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi perkembangan tamadun. Sejarah telah membuktikan bahawa maju mundurnya sesuatu ekonomi dalam sesuatu negara memberi kesan yang selari dengan tamadunnya. Lihat sahaja perbezaan tamadun antara *badawi* dan *hadhari* ternyata terletak pada kemajuan ekonomi. Ekonomi *badawi* yang terbelenggu dengan produk cukup diri dalam pertanian sebagai asas ‘*umran* yang mendasar berbanding ekonomi masyarakat *hadhari* dengan kegiatan perindustrian dan perdagangan yang menjadikan hidup bermewah dengan limpahan kekayaan. Ini bermakna kemajuan ekonomi telah mengembangkan tamadun dari *badawi* kepada *hadhari*. Ibn Khaldun (1993) turut menyatakan perkara yang sama, iaitu kemajuan dalam penghasilan dan usaha manusia (dalam kegiatan ekonomi) penentu kepada tamadun.

Sebenarnya hubungan antara ekonomi dan ‘*umran* bukanlah sekadar sehala, namun mengikut Ibn Khaldun ia bergerak dalam kitaran antara kedua-duanya, iaitu masing-masing menjadi sebab dan akibat; iaitu ekonomi mengerakkan ‘*umran* dan juga ‘*umran* merangsang ekonomi. Untuk melihat bagaimana ‘*umran* merangsang ekonomi, Ibn Khaldun menyatakan. “Apabila tamadunnya meningkat, kekayaannya pun akan bertambah dan pemerintahannya. Bandar-bandar dan kawasan penempatan menjadi banyak perdagangan dan keadaan-keadaan menjadi lebih baik” (Ibn Khaldun 1993).

#### b. Geografi dan iklim

Tamadun hanya berkembang dan subur di kawasan-kawasan tertentu dunia bergantung kepada faktor geografi. Misalnya di kawasan kutub (utara dan selatan) yang secara geografinya terletak di hujung dunia yang ekstrem, iklimnya adalah sejuk ekstrem. Pada kedudukan dan iklim (Iklim secara umumnya bergantung kepada geografi, dan dalam masa yang sama iklim merupakan sebahagian daripada ilmu geografi.) yang seperti ini, hampir tiada harapan tamadun akan wujud di sana. Sebaliknya pada geografi dunia yang beriklim sederhana, perkembangan tamadun paling subur.

Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* menyatakan tamadun tidak wujud atau tidak subur di daerah yang terletak di kawasan khatulistiwa atau yang jauh darinya (Ibn Khaldun (1993). Ini menjelaskan bahawa tamadun itu subur di geografi yang beriklim sederhana; tidak terlalu panas dan terlalu sejuk. Bagi Ibn Khaldun daerah iklim yang sederhana terletak di tengah dunia (Ada negara-negara di daerah ini yang tandus dan terlalu panas, namun Ibn Khaldun memberikan alasan bahawa negara-negara tersebut dikitari oleh laut dari tiga penjuru. Kelembapan laut mempengaruhi kelembapan udaranya dan mengurangi kekeringan (Ibn Khaldun 1993:23), dengan Syria dan Iraq merupakan daerah paling tengah (Ibn Khaldun 1993).

Semua ciri kesederhanaan terdapat di daerah ini, segi iklim, sikap penduduk, tubuhnya dan warna kulitnya. Ibn Khaldun memandang ciri-ciri ini sebagai kesempurnaan, bukan sahaja pada sudut luaran fizikalnya tetapi juga pemikirannya. Sifat kesempurnaan ini menjadikan penduduknya lebih berketerampilan dari segi kepakaran yang tinggi, terdirinya banyak kota-

kota yang besar, pelbagai bangunan dan kehidupan (rakyatnya) yang bertamadun (Ibn Khaldun 1993).

### c. Manusia: Agama, ilmu dan organisasinya

Agama memainkan peranan penting dalam perubahan perilaku manusia untuk menjadi lebih berdisiplin dan berprinsip. Kehidupan yang berprinsip ini menjadikan kehidupan lebih baik, lebih terurus dan teratur: yang liar menjadi jinak dan yang biadab menjadi beradab hanya kerana mengikut ajaran agama. Inilah perubahan-perubahan hasil daripada beragama, dan keadaan ini menepati konsep tamadun yang melihat kepada perubahan, perkembangan, peningkatan atau kemajuan sesebuah masyarakat dalam semua aspek kehidupan. Ibn Khaldun (1993) menukilkan bahawa keadaan seperti ini berlaku dalam kalangan masyarakat *badawi*. Dengan agama (Islam) sikap mereka mula berubah; sifat angkuh, bongkak, bangga diri, cemburu dan dengki dapat dikikis, sedia untuk patuh, mahu bersatu, melenyapkan sifat buruk, menerapkan sifat terpuji. Akhirnya mereka bersatu dalam membentuk kekuasaan dan kedaulatan menuju ke arah ketamadunan.

Ilmu merupakan satu lagi faktor perkembangan tamadun. Manusia mempunyai kelebihan berbanding dengan makhluk lain, iaitu kemampuan berfikir. Kemampuan berfikir yang tertinggi mengikut Ibn Khaldun (1933) adalah apabila ianya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan. Menurut Ibn Khaldun, semua ilmu asasnya terbit daripada pemahaman daripada al-Quran dan al-Hadith. Melalui keintelektualan manusia, penemuan bidang ilmu makin terserlah meliputi sama ada yang berbentuk *naqliyah* seperti ilmu qiraat, usul fiqh, ilmu *lughah*, ilmu tafsir dan hadith atau pun *aqliyah* seperti ilmu hisab, geometri, akaun perniagaan, astronomi, fizik, perubatan dan kimia. Misalnya dapat dilihat pada zaman kegemilangan kerajaan Islam silam, pelbagai pusat dan bidang ilmu yang bilangannya cukup banyak untuk ditimba manakala penuntut-penuntutnya pula datang daripada pelbagai pelusuk dunia. Melalui cara ini tamadun (Islam) berkembang.

Organisasi berbentuk *daulah*, dinasti atau kerajaan penting dalam mempengaruhi perkembangan tamadun. Tamadun sangat berhubung rapat dengan kerajaan. Pada era pemerintahan kerajaan Umayyah, Abasiyyah dan Uthmaniyah, tamadun berkembang pesat sejajar dengan kepesatan kerajaannya. Begitu juga sebaliknya tamadun akan runtuh mengikut kerajaan yang runtuh. Kerajaan yang utuh pula bersandar kepada semangat ‘*asabiyyah*. Hal ini kerana permulaan pembinaan dinasti atau *daulah* hanya dapat ditegakkan melalui usaha sesuatu kumpulan dan perasaan kekitaan yang mana mereka sanggup berjuang demi menjaga kepentingan bersama.

## Faktor Kehancuran

Ibn Khaldun dalam beberapa tempat dalam kitabnya, *Muqaddimah* kerap kali menghubungkaitkan antara *daulah* dan tamadun. Perkara ini telah penulis sentuh semasa membincangkan tentang faktor perkembangan tamadun. Kebalikan daripada itu kejatuhan *daulah* (kerajaan/negara) bermakna juga kehancuran tamadun.

Kitab *Muqaddimah* memaparkan satu tajuk khusus dalam bab ketiga, mengenai tiga faktor kemunduran kerajaan iaitu; kerakusan pemimpin, kemewahan dan kemalasan rakyat (Ibn Khaldun 1993). Namun penelitian yang menyeluruh dalam kitab tersebut ternyata terdapat faktor-faktor lain di samping faktor-faktor tersebut. Perbincangan berikut adalah berkaitan dengannya.

#### a. Kemewahan

Ibn Khaldun menyatakan bahawa keruntuhan kerajaan berlaku melalui beberapa fasa. Fasa terakhir adalah apabila pemerintah bersenang-senang, berseronok-seronok dan berfoya-foya dengan kemewahan. Raja melantik kakitangan yang jahat, tidak berwibawa dan tidak mampu menjalankan tugas yang dipikul. Akhirnya rakyat benci kepada raja dan berpakaat untuk tidak menyokongnya (Ibn Khaldun 1993).

Ibn Khaldun melihat hidup bermewah-mewah bukan sahaja terjadi dalam kalangan raja (pemerintah) tetapi juga rakyat (Ibn Khaldun 1993). Raja dan rakyat berbelanja boros melebihi pendapatannya. Bagi pihak kerajaan, usaha untuk mengutip tambahan hasil pendapatan tidak akan berjaya kerana rakyat sendiri pun kekurangan pendapatan. Untuk penyelesaiannya, kerajaan akan mengecilkan jumlah anggota tentera (kakitangan awam). Pertahanan yang lemah memungkinkan pihak musuh mengambil peluang untuk menakluki dan menyerang *daulah*. Inilah bibit-bibit kehancuran sebuah kerajaan yang sekali gus tamadunnya.

#### b. Kezaliman

Pemimpin merupakan penjaga dan pelindung kepada rakyatnya. Ibn Khaldun (1993) ada menyatakan tentang sikap pemimpin yang ingin untuk berkuasa dan menguasai seterus politiknya dengan semata-mata mahu mencipta kemasyhuran melalui cara yang liar. Mereka akan bertindak menekan kumpulan lain, mengambil hartanya sehingga kumpulan ini lemah dan hilang perasaan kekitaan dan hilang jati diri untuk negara. Mengikut pandangan Ibn Khaldun sikap dan tindakan ini akan melemahkan kekuatan negara.

Ibn Khaldun menyatakan beberapa bentuk kezaliman dan ketidakadilan pemerintah yang boleh merosakkan negara seperti merampas harta tanpa ganti rugi atau tanpa sebab, mengenakan beban yang tidak syari'e, memungut cukai dengan cara yang tidak berpatutan, tidak mempedulikan hak-hak manusia lain dan mendapatkan milik orang lain dengan bayaran harga yang tidak berpadanan. Mengikut Ibn Khaldun (1993) perbuatan-perbuatan yang seperti ini akan membawa perpecahan, kehancuran dan kejatuhan yang cepat kepada kerajaan.

#### c. Perpecahan

Perpecahan kerap berlaku kerana masing-masing ingin berebut kuasa atau untuk memerintah daerah sendiri, sehingga wujud *daulah* yang kecil-kecil di pelbagai daerah. Di samping itu perpecahan juga boleh berpunca daripada yang lain seperti kerajaan atau pemimpin yang lemah. Kepelbagaiannya *daulah* ini menyulitkan untuk mewujudkan kesatuan terutamanya dalam menghadapi musuh.

Dalam *Muqaddimah*, antara contoh perpecahan yang dipaparkan oleh Ibn Khaldun (1993) adalah semasa pemerintahan kerajaan Abassiyah. Dikatakan penduduk yang berjauhan (dari Baghdad) seperti Bani Aghlab dan penduduk Andalusia telah mendirikan kekuasaan sendiri. Selain itu kelemahan pemerintah dalam mengurus negara terutama dalam menghadapi krisis ekonomi juga menjadi punca perpecahan. Ibn Khaldun (1993) merekodkan hal yang seperti ini terjadi dalam kalangan penduduk pendalaman atau di perbatasan terpencil yang akhirnya dapat menegakkan kekuasaan sendiri akibat daripada kelemahan tersebut.

#### d. Pengaruh asing

Pengaruh luar menular apabila raja mula menjauhkan diri daripada rakyatnya sendiri, akibat daripada sikap curiga akan kesetiaan mereka (takut rampasan kuasa). Menurut Ibn Khaldun (1993) orang luar ini dijadikan perisai keutuhan kerajaannya dengan menempatkan mereka pada kedudukan penting dalam pemerintahan. Ibn Khaldun memberikan contoh ketika negara diperintah oleh kerajaan Abassiyah, apabila raja (khalifah) telah mengambil orang Parsi (dari pelbagai keturunan) dan juga Turki (dari pelbagai keturunan) sebagai pentadbir dan wazir (Ibn Khaldun 1993). Pemerintahan secara tidak langsung telah berpindah tangan kepada orang asing dengan raja tinggal sebagai patung. Penulis mengistilahkan keadaan ini sebagai kehancuran tersembuni yang berkait rapat dengan kewujudan ‘asabiyyah luar yang lebih kuat. Ibn Khaldun (1993) mengungkapkan apabila sesebuah negara itu telah berdiri teguh, ia boleh mengetepikan perasaan ‘asabiyyah. Ketika mana ‘asabiyyah dalam organisasi *daulah* tersebut semakin berkurang, ia akan memberi ruang kepada pengaruh asing yang mempunyai ‘asabiyyah yang tinggi di samping hala tuju yang ampuh untuk menjatuhkan kerajaan lama dan mewujudkan kerajaan yang baru.

### Kesimpulan

Pemikiran Ibn Khaldun terhadap sejarah mencakupi pelbagai disiplin ilmu yang diperolehinya melalui pendidikan, pengalaman kerjayanya yang meliputi politik dan sosial, serta pemerhatiannya terhadap isu-isu, sejarah dan peristiwa yang berlaku sepanjang hayatnya. Menurut beliau, sejarah ialah ilmu yang berkaitan dengan fenomena sosial kehidupan manusia. Ia dapat dipersembahkan menerusi idea agungnya iaitu ilmu ‘umran yang dibincangkan secara terperinci di dalam prolegomenanya *Muqaddimah*. Di dalam gagasan ‘umran yang dinisbahkannya sebagai tamadun umat manusia, Ibn Khaldun berjaya mengenal pasti perubahan masyarakat daripada masyarakat *badawi* kepada masyarakat *hadhari* seterusnya menuju kepada pembentukan *daulah*. Perubahan masyarakat ini di samping pemerhatian Ibn Khaldun terhadap sejarah dinasti-dinasti sebelum dan ketika hayatnya mendorongnya untuk mengemukakan peringkat-peringkat tamadun daripada peringkat kelahiran, perkembangan, kemerosotan dan seterusnya kejatuhan tamadun. Peringkat-peringkat ini akhirnya membentuk satu kitaran yang dianalogikan Ibn Khaldun sebagai analogi pusingan hayat manusia. Penelitian Ibn Khaldun di dalam ‘umran dan kitarannya ini membawa peralihan penganalisisan faktor-faktor perkembangan dan kejatuhan tamadun. Antara faktor perkembangannya ialah faktor ekonomi, geografi dan sistem manusia itu sendiri. Manakala, faktor kehancuran meliputi faktor kemewahan, kezaliman, perpecahan dan penglibatan pengaruh asing. Faktor-faktor ini didasari

dengan elemen sosial yang penting bagi Ibn Khaldun iaitu elemen ‘asabiyyah, iaitu perasaan kekitaan di dalam organisasi sosial.

## Rujukan

- Azmul Fahimi Kamaruzaman & Nabeela Akrasha Surtahman. 2021. Genesis falsafah sejarah Islam dan perkembangannya pasca Ibn Khaldun. *Islamiyyat*, 43(1): 37-49.
- Enan, M.A.. 2012. *Ibnu Khaldun: Riwayat Hidup dan Karyanya*. Terj. Mohd Puzhi Usop, Nik Haslina. Kuala Lumpur: ITBM
- Ibn Khaldun. 1951. *Al-Ta’rif bi Ibnu Khaldun wa Rihlatuh Gharban wa Syarqan*. Kairo: Lajnah al-Ta’rif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr.
- Ibn Khaldun. 2004. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Damsyiq: Maktab al-Hidayah.
- Ibn Khaldun. 2009. *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ibn Khaldun. 2009. *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jaffary Awang. 2001. Perpaduan dan komposisi masyarakat dari perspektif Ibn Khaldun. *Jurnal Usuluddin*, (14): 23-32.
- Mahayudin Yahaya. 2011. ‘Umran al ‘alam dari perspektif Ibn Khaldun: Suatu anjakan paradigma. *International Journal of West Asian Studies*, 3(1): 1-27.
- Mahayudin Yahaya. 2013. ‘Umran dan aplikasinya di alam melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(1): 1-33.
- Mahayudin Yahaya. 2015. Umran: pemungkin kemakmuran di alam melayu. *Journal of Human Development and Communication*, 4(2015): 45-62.
- Muhsin Mahdi. 1957. *Ibn Khaldun’s Philosophy of History*. London: George Allen & Unwin.
- Muhsin Mahdi. 2014. *Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun: Kajian tentang Dasar Falsafah Ilmu Budaya*. Terj: Amilah Awang Abd Rahman. Kuala Lumpur: ITBM
- Mukti Ali. 1976. *Filsafat Islam Tentang Sejarah: Pilihan Dari Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Jakarta: Penerbit Tintamas.
- Flint, R. 1894. *History of the Philosophy of History*. Edinburgh: W. Blackwood and Sons Ltd.
- Sholikah & Ismail. 2019. Pemikiran politik Ibnu Khaldun (732 H-808 H/1332-1406 M). *Al Hikmah: Jurnal Studi Keislaman*, 9(1): 65-83.
- Syed Farid Alatas. 2014. *Makers of Islamic Civilization: Ibnu Khaldun*. India: Oxford University Press.
- Toynbee, A.J. 1934. *A Study of History*. London: Oxford University Press.
- Ulis Dwi Wardani. 2009. Studi Mengenai Pemikiran Ibnu Khaldun Dalam Penulisan Sejarah Tahun 1374 - 1382 M. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sebelas Maret, Surakarta.
- Yusri Mohamad Ramli. 2015. Pandangan Sarjana Nuansa Pemikiran Ibnu Khaldun. Dlm. Ahmad Sunawari Long (pnyt.) *Falsafah Ibnu Khaldun*, Kuala Lumpur: ITBM
- Zaid Ahmad. 2009. Muslim Philosophy of History. Dlm. Aviezer Tucker (pnyt.) *A Companion to the Philosophy of History and Histioigraphy*, hlm. 437-445. United Kingdom: Blackwell.
- al-Khudhairi, Zainab. 1979. *Filsafat Sejarah Ibnu Khaldun*. Terj: Ahmad Roff ‘Utsmani. Bandung: Penerbit Pustaka.